

# Insentif tingkatkan pendidikan sekolah pedalaman – Najib

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

**SUBANG** 11 Feb. – Cadangan tambahan elaun insentif antara RM500 hingga RM1,500 adalah bertujuan memastikan tahap pendidikan pelajar di kawasan pedalaman dan luar bandar setanding dengan kawasan bandar.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, antara langkah paling berkesan ialah menempatkan lebih ramai guru yang mempunyai pengalaman serta kebolehan di kawasan berkenaan.

Katanya, kerajaan percaya cadangan itu mampu memberi rangsangan kepada mereka untuk bertugas dengan lebih komited, sekali gus dapat meningkatkan mutu pencapaian sekolah di kawasan terabit.

“Dalam konteks bidang pendidikan masa kini, adalah penting bagi kerajaan memastikan kualiti pembelajaran sekolah di kawasan pedalaman dan luar bandar sama dengan di bandar.

“Sehubungan itu langkah yang paling berkesan ialah menarik minat lebih ramai guru berpengalaman dan berkebolehan ke kawasan itu dan saya percaya cadangan ini mampu membantu kita untuk memenuhi hasrat tersebut,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan majlis penyampaian hadiah kepada pemenang Kejohanan Golf Maybank Terbuka Malaysia di Saujana Golf and Country Club di sini, hari ini.

Beliau mengulas laporan *Mingguan Malaysia* hari ini bahawa guru-guru di pedalaman bakal menerima tambahan elaun insentif antara RM500 hingga RM1,500 selain menimbang memberikan beberapa elaun menarik lain termasuk bagi guru-guru yang sanggup mengajar lebih lama di luar bandar.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran (Kewangan dan Pembangunan) Datuk Fatimah Md. Deni berkata, kerajaan pada dasarnya bersetuju menambah elaun bayaran insentif se-

Um - 12/2/2007

**Antara langkah paling berkesan ialah menempatkan lebih ramai guru yang mempunyai pengalaman serta kebolehan di kawasan berkenaan**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Timbalan  
Perdana Menteri

hingga RM1,500 dan ketika ini kadar elaun yang diterima adalah standard walaupun jarak pedalaman berbeza iaitu sebanyak 10 peratus daripada jumlah gaji pokok.

Menurut Fatimah kadar elaun khas yang kini di peringkat akhir perincian Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) itu bagaimanapun akan bergantung kepada jarak serta kemudahan asas di sesuatu kawasan terabit.

Dalam pada itu, Najib mengakui kesukaran kerajaan untuk menempatkan guru khususnya yang berpengalaman ke kawasan pedalaman dan luar bandar kerana mereka lebih berminat untuk bertugas di

bandar.

Ketika ditanya tempoh cadangan itu akan dilaksanakan, beliau berkata, perkara itu kini di peringkat pertimbangan terakhir dan ia akan diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi setelah semuanya selesai.

“Selepas ini pihak Kementerian Pelajaran dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan mengemukakan cadangan tersebut kepada pihak kerajaan.

“Kerajaan kemudian akan meneliti sepenuhnya cadangan itu sebelum keputusan akhir diputuskan oleh Perdana Menteri,” tambahnya.